

EDISI NOVEMBER - DISEMBER 2023

BIL. 6/2023

# IVORY

BULETIN KKT SRI GADING

Lawatan Kerja Pengarah ke  
Fourth Association of APACC  
Accreditees' (AAA) Meeting

Anugerah TVET  
Terbaik Usahawan  
Digital 2023

Anugerah Tangan  
Emas Perdana Menteri  
2023



# terima kasih

Jawatankuasa Penerbitan

KKTM Sri Gading

**PENGERUSI**

NOR AIN BINTI ABAS

**SETIAUSAHA**

NORAZLINA BINTI MOHAMED

**AHLI**

TS. AIDATUL SALWANI BINTI JAMALUDDIN  
AZIMA BINTI SAPUAN  
NORSYAHIDAN BIN NORSALBI  
NOR FAZWEEN BINTI AHMAD RUSLY  
SUHAYA BINTI SUKEMI  
SITI NAZIRAH BINTI ABDUL RAHMAN  
MADIHAH BINTI YAHAYA  
TS. ZAHTULIFFA BINTI TUSIMIN  
NORLIEZULAINA BINTI SHAFAAT

**EDITOR BIL. 6/2023**

NOR AIN BINTI ABAS

TS. ZAHTULIFFA BINTI TUSIMIN

# Fourth Association of APACC Accreditees' (AAA) Meeting

DI COLOMBO PLAN STAFF COLLEGE (CPSC)  
PASIG CITY, FILIPINA

Pada 3 hingga 5 hb Disember 2023 yang lalu, Pengarah KKTM Sri Gading, Tn Haji Azman bin Ali telah mewakili institusi-institusi di bawah TVETMARA bagi menghadiri Fourth Association of APACC Accreditees' (AAA) Meeting di Colombo Plan Staff College (CPSC), Pasig City, Filipina.

AAA ini dianggotai oleh kepimpinan tertinggi institusi pendidikan TVET yang telah memperolehi akreditasi Asia Pacific Accreditation & Certification Commission (APACC). Pada masa ini, ianya dianggotai seramai 19 orang yang mewakili kesemua institusi pendidikan masing-masing dari beberapa buah negara di rantau Asia Pasifik.

Semasa mesyuarat tersebut Pengarah KKTM Sri Gading telah membentangkan kertas ilmiah yang bertajuk "Strategic Interventions: TVETMARA's Initiatives for Distance Learning and Elevated Graduate Employability" sebagai satu cadangan serta perkongsian amalan terbaik yang boleh dijadikan panduan semua ahli mesyuarat.

“

*AAA ini dianggotai oleh kepimpinan tertinggi institusi pendidikan TVET yang telah memperolehi akreditasi Asia Pacific Accreditation & Certification Commission (APACC).*



Ketibaan delegasi dari Malaysia ke CPSC.

Sempena dengan mesyuarat tersebut juga, telah diadakan Seminar Antarabangsa Revolutionizing the Future Workforce: Transformative Pathways of TVET towards 2030 yang diadakan di hotel Dusit Thani Manila. Turut diadakan Majlis Makan Malam sempena 50 tahun CPSC dimana semasa majlis tersebut, telah diadakan penyampaian plak Anugerah Platinum kepada KKTM Masjid Tanah sebagai penerima pertama anugerah tersebut sejak ianya mula diperkenalkan, yang ia telah diwakili oleh Pengarah KKTMSG sendiri. Majlis ini turut dirasmikan oleh Dato' Abdul Malik Melvin Castelino, Duta Besar Malaysia di Filipina, serta Dato' Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub, Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan Malaysia. Anugerah telah disampaikan sendiri oleh Prof. G.L.D. Wickramasinghe, Ketua Pengarah, CPSC pada malam tersebut.

Pengarah KKTM Sri Gading dan semua delegasi mesyuarat AAA ini juga telah dibawa melawat ke sebuah lagi institusi TVET yang telah memperolehi Anugerah Platinum iaitu TESDA Women's Center (TWC). TWC telah memperolehi Anugerah Platinum ini melalui penilaian yang telah diadakan pada 4-6 Oktober 2023 yang lalu dan telahpun mula melaksanakan pensijilan APACC ini sejak tahun 2008 lagi.

Adalah diharapkan dengan program ini, akan dapat mengeratkan lagi hubungan sesama institusi terbabit selari dengan hasrat TVETMARA untuk meletakkan institusi-institusi pendidikannya ini berada bersama diperingkat antarabangsa.



CPSC yang dianggotai oleh 19 buah negara dari kalangan negara di Asia Pasifik.



Bersama Mr. Md Enamul Haque,  
Institution of Diploma Engineers,  
Bangladesh.



Bersama H.E Dato' Abdul Malik  
Melvin Castelino, Duta Besar  
Malaysia ke Manila.



Bersama Prof Dr Raul F. Muyong, Director, Office of  
Institutional Quality Assurance & Governance,  
Commission on Higher Education, Philippines.



Perasmian seminar oleh Duta Besar Papua New Guinea di Manila, H.E Mdm Betty Palaso, beliau juga merupakan Pengerusi CPSC.



Bersama Mr Chinbat Otgonjargal, Head of General Director's Cabinet, Polytechnic College of Engineering and Technology, Mongolia.



Bersama Mdm Noorhayati Cynthia Abdullah, TVET Specialist, SEAMEO VOCTECH, Brunei Darussalam



Bersama Ketua Pengarah Colombo Plan Staff College, Prof Dr G.L.D. Wickramasinghe.



3 daripada 4 penerima Anugerah Platinum adalah merupakan institusi pendidikan dari Malaysia. Duta Besar Malaysia di Filipina sangat berbangga dan turut sama meraikan pencapaian tersebut bersama para penerima.



Meraikan pengiktirafan platinum bersama Prof Muyong dan Mr Enamul, selaku pegawai akreditasi APACC, serta Ketua Pengarah CPSC dan Pegawai Tertinggi dari Kedutaan Malaysia di Manila.



Penerima Anugerah Planitum bergambar bersama VVIP termasuk Duta Besar Malaysia di Filipina dan Duta Besar Papua New Guinea di Filipina, H.E Mdm Betty Palaso.



Bersama barisan Penasihat Negara dan ahli AAA yang turut serta.




Pembentangan kertas ilmiah oleh Pengarah KKTMSG dengan tajuk Strategic Interventions: TVETMARA's Initiatives for Distance Learning and Elevated Graduate Employability.



Bersama Mr Azam Khalid dari Pakistan, yang juga merupakan staf CPSC.



3 plak Anugerah Platinum untuk Malaysia.



Pernyataan Komitmen warga TWC bagi perlaksaan amalan hijau.



Suasana pembelajaran disalah sebuah makmal pumbaikan skrin LCD. Makmal ini dibina dengan kolaborasi pihak Samsung Electronic Philippines Corporation, sejak dari tahun 2015.



Bersama para pelajar kursus pumbaikan skrin lcd di TESDA Women's College (TWC).



Kemudahan nurseri yang disediakan di TWC untuk memudahkan para pelajar menempatkan anak mereka, semasa ibu mereka mengikuti pembelajaran di kelas.



APACC's Accreditation war room di TWC.



# Build XPO Malaysia

## Malaysia' International Building And Construction Industry Showcase

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia telah menganjurkan Malaysia International Building and Construction Industry Showcase pada 15 hingga 17 November 2023 bertempat di MITEC, Kuala Lumpur.

Tujuan utama pameran ini dilaksanakan adalah bagi mengumpul maklumat dan menjalin hubungan bersama dengan pakar industri antarabangsa dan serantau dalam membangunkan hab perniagaan industri bangunan dan pembinaan.

Dengan penglibatan 500 pemamer, Build Xpo telah menjadi platform yang menghimpunkan pembina dan kontraktor di dalam dan di peringkat antarabangsa. Pihak KKTMB Sri Gading dan MARA juga telah dijemput untuk mengadakan pameran dan memberi penerangan berkaitan program dan invosi yang telah dilaksanakan di KKTMB Sri Gading.



# UI GREENMETRIC WORLD UNIVERSITY RANKING

Kolej Kemahiran Tinggi Mara Sri Gading begitu komited dalam menjadi sebuah kampus lestari untuk TVET MARA. Baru-baru ini, KKTm Sri Gading berjaya tersenarai di dalam penarafan universiti lestari dunia iaitu UI GreenMetric-World University Ranking 2023.

UI GreenMetric World University Ranking ialah ranking kampus hijau dan kelestarian alam sekitar yang dimulakan oleh Universiti Indonesia pada tahun 2010. Melalui 39 petunjuk dalam 6 kriteria, UI GreenMetric World University Rankings secara berhemat menentukan kedudukan mengikut komitmen dan inisiatif alam sekitar universiti.

Ini adalah julung kalinya KKTm Sri Gading menyertai penarafan universiti peringkat dunia. KKTm Sri Gading telah berjaya menduduki tempat ke-1144 universiti dunia dan tempat ke-42 universiti di Malaysia yang menyertai penarafan tersebut.

Pengiktirafan ini dapat memberi semangat kepada pihak kolej dalam penambahbaikan prasarana dan kemudahan – kemudahan lestari sedia ada di kampus kepada yang lebih baik selaras dengan kehendak kelestarian peringkat global.



# ANUGERAH TANGAN EMAS PERDANA MENTERI 2023

Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri (MATEPM) 2023 telah diadakan dengan penuh gilang-gemilang pada 23 November 2023 yang lepas.

Acara tahunan peringkat kebangsaan ini diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada individu yang cemerlang dalam pertandingan kemahiran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Setinggi ucapan tahniah diucapkan kepada 2 orang pelajar daripada KKTMM Sri Gading iaitu saudara Muhammad Farid bin Ahmad Rusli kerana telah berjaya memenangi Pingat Perak dan saudara Muhammad Farhat bin Panut telah memenangi Pingat Gangsa dalam bidang Digital Construction.



Tahniah juga diucapkan kepada TVET MARA iaitu peserta-peserta daripada KKTM, MJII dan IKM yang telah menyertai Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia (WSMB) 2023 dan telah berjaya menggondol beberapa pingat dalam arena tersebut.

Semoga dengan kejayaan ini dapat menyuntik semangat semua pelajar di KKTMM Sri Gading untuk terus melangkah jauh kehadapan dalam bidang kemahiran dan terus melakar kejayaan demi kejayaan di masa akan datang.





# CAREER & INTERNSHIP FAIR

## (STUDENT INDUSTRIAL TRAINING PRESENTATION)

### PEMPAMER

#### PENDIDIKAN

1. UNIVERSITI KUALA LUMPUR (UNIKL)
2. UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)
3. IDP EDUCATION JOHOR BAHRU

#### KERJAYA

1. AURUM PRECAST SDN. BHD.
2. DME SOLUTIONS SDN. BHD.
3. SELENDANG BAYU SDN. BHD.

📅 20 NOVEMBER 2023  
🕒 9<sup>00</sup> AM - 1<sup>00</sup> PM  
📍 LAMAN TEKNOKRAT  
KKT SRI GADING

ANJURAN : JAWATANKUASA PERHUBUNGAN INDUSTRI, KKT SRI GADING

# CAREER AND INTERNSHIP FAIR

Program berbentuk kerjaya dan pendidikan ini merupakan program anjuran Jawatankuasa Perhubungan Industri KTM Sri Gading untuk pelajar-pelajar di KKT SRI GADING.

Objektif utama program ini adalah untuk membuka peluang kepada pelajar semester 5 dan 6 bagi mendapatkan maklumat dan konsultasi hala tuju kerjaya dan pendidikan selepas tamat pengajian di KKT SRI GADING.

Antara pempamer yang terlibat adalah seperti berikut:

Pempamer Pendidikan:

1. Universiti Kuala Lumpur (UNIKL)
2. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
3. IDP Education Johor Bahru

Pempamer Kerjaya :

1. Aurum Precast Sdn. Bhd.
2. DME Solutions Sdn. Bhd.
3. Selendang Bayu Sdn. Bhd.

Semoga lebih banyak program sebegini akan dilaksanakan di KKT SRI GADING di masa akan datang kerana input yang diperolehi amat membantu para pelajar untuk menentukan hala tuju selepas tamat belajar nanti.



# Majlis Apresiasi Kecemerlangan Siswa 2023

Unit Kecemerlangan Siswa (UKS) Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading telah menganjurkan Majlis Apresiasi Pelajar 2023 dan telah dirasmikan oleh Pengarah MARA Negeri Johor, Puan Rafida bt Ab Manan. Antara anugerah yang disampaikan adalah Anugerah Tokoh Kokurikulum (Sukan), Anugerah Tokoh Kokurikulum (Kelab), Anugerah Inovasi Siswa (Kreatif & Inovatif), Anugerah Inovasi Siswa (Worlskills), Anugerah Sahsiah Dan Kerohanian, Anugerah Kepimpinan dan Anugerah Keusahawanan.

Pada majlis ini juga, telah disampaikan Anugerah Dekan kepada pelajar-pelajar yang memperoleh CGPA 3.50 dan keatas bagi sesi Julai-Disember 2022 dan Jan - Jun 2023 yang lalu.

Semoga anak-anak didik KKT MARA Sri Gading akan terus berjaya dan cemerlang pada masa akan datang bukan sahaja di dalam bidang akademik tetapi juga ko-kurikulum dan juga sukan.







## Majlis Apresiasi Kecemerlangan Siswa 2023





# YOUR FRENCH AND SPANISH KICKSTART



Pada 1 November 2023, Jabatan Bahasa Antarabangsa, Pusat Pengajian Bahasa, UTHM dengan kerjasama Unit Bahasa Inggeris, KKT M Sri Gading telah menganjurkan satu program yang diberi nama “Your French and Spanish Kickstart” yang bertempat di bilik 21st Century dan bilik kuliah R210. Program ini telah disertai seramai 40 orang pelajar dari KKT M Sri Gading.

Objektif utama program ini adalah bagi memberi peluang dan pendedahan kepada pelajar bagi mempelajari bahasa asing untuk diaplikasikan dalam situasi harian.

Sepanjang program ini, pelajar telah diberi pendedahan kepada dua jenis bahasa iaitu Bahasa Perancis dan Bahasa Sepanyol yang telah dikendalikan oleh Cik Atikah, Cik Nurin dan Cik Farina yang merupakan staf Jabatan Bahasa Antarabangsa, Pusat Pengajian Bahasa, UTHM.



Semoga dengan program ini, para peserta yang terlibat dapat memanfaatkan segala ilmu yang diberikan dengan sebaiknya dan dapat digunakan pada masa akan datang.





Pada 3 hingga 5 November 2023, dua kejohanan memanah telah disertai oleh pelajar-pelajar KKTm Sri Gading di dua lokasi yang berbeza.

Seramai lima orang pelajar dari semester tiga bersama dua orang guru pengiring telah menyertai Kejohanan Memanah Tradisional 1000 Liga bertempat di Lapang Sasar Memanah Jalan Rawa, Taman Perling. Kejohanan tersebut yang julung kali disertai oleh pelajar-pelajar KKTm Sri Gading telah dianjurkan oleh Persatuan Memanah Daerah Johor Bahru.



# Kejohanan memanah tradisional 1000 liga



Manakala satu lagi pertandingan memanah iaitu Indoor Archery Tournament yang dianjurkan oleh IKM Jasin telah diadakan pada 4 hingga 5 November 2023. Pertandingan ini telah disertai oleh seorang pelajar semester empat iaitu Mohamad Amirullah Syahmi Bin Muhamad Shukor. Kategori yang disertai beliau ialah Compound Terbuka Lelaki.

Walaupun kejohanan ini merupakan kejohanan yang julung kali disertai oleh mereka, namun semangat juang yang ditonjolkan oleh pelajar-pelajar ini sangat tinggi dan diharapkan dapat menjadi pemangkin kajayaan pada masa akan datang.



# STUDENT PROJECT EXHIBITION (SPEX) SIRI 2/2023

Program ini telah diadakan pada 5 November 2023 (Ahad) secara terbuka bertempat di Laman Hijau KKTm Sri Gading bermula dari pukul 8.00 pagi hingga 5 petang. Program anjuran Sekretariat Projek Tahun Akhir ini merupakan acara yang dilaksanakan setiap semester bertujuan untuk membuat penilaian terhadap projek yang dihasilkan oleh para pelajar semester 5 khasnya.

Panel penilai yang terdiri daripada panel dalaman dan luaran telah dilantik bagi menilai hasil projek akhir pelajar. Panel dalaman adalah terdiri daripada pensyarah KKTm Sri Gading manakala ahli panel luar terdiri daripada pihak industri atau alumni KKTm Sri Gading.

Pada program ini juga, ahli panel penilai telah memilih Pembentang Terbaik dari setiap program seperti berikut:

Program	Nama Pelajar	Tajuk
DTV	Rafiqah Afidina binti Affandi	Remodel Accor Stadium Roof Using Rhino 3d
DTH	Nurul Syazreen binti Seliman	Egg Case as Noise Barrier for Sieve Analysis Machine
DTM	Mohamad Erfan Halil bin Sarudin	Automatic Smart Dustbin with Ultrasonic Sensor And LED
DTF	Khuzairul bin Kamarudin	An Innovation of Propeller Box In Clearing Overgrown Lotus In KKTMSG Pond
DTC	Ahmad Zafrie bin Abdul Razief	Chaff Domolit Wall Insulation
DTG	Muhamad Fathullah bin Ismail -	Investigation Of Traffic Noise Pollution at Jalan Kluang, Batu Pahat, Johor
DTE	Muhammad Hakimi bin Zainudin	Vibration For Superior Concrete Consolidation

Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang bagi memberi gambaran dan pendedahan kepada pelajar junior berkenaan projek yang akan mereka laksanakan nanti.



# BICARA INDUSTRI: Bersama Panel Penasihat Industri Bagi Program DTF



Pada 5 November 2023 (Ahad), program DTF telah menganjurkan satu program ‘Bicara Industri’ bermula pada pukul 2.30 hingga 5.00 petang bertempat di Bilik Seminar, KKTM Sri Gading. Panel industri yang terlibat ialah Saudara Muhammad Fairdaus Azrai bin Idris yang juga merupakan alumni program DTF dari Syarikat Iwareki Services.

Objektif utama program ini dilaksanakan adalah bagi memberi ilmu pengetahuan teknologi terkini dalam bidang Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Forensik Bangunan dan Penyeleggaraan) selain merapatkan lagi jurang antara keperluan industri dan kebolehpasaran graduan berkualiti tinggi dengan kemahiran.

Program ini telah berjalan dengan lancar dan penerangan yang diberikan amat membantu dalam meningkatkan kefahaman dan keyakinan para pelajar dalam bidang forensik bangunan ini serta pendedahan pada teknologi terkini.



# Kursus Kefahaman Islam

Dewan Teater A, KKT M Sri Gading

Anjuran Sekretariat Kerohanian KKT M Sri Gading bersama Pejabat Kadi Daerah Batu Pahat

9 November 2023  
(Khamis)



Pada 9 November 2023, Sekretariat Kerohanian Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading telah mengadakan Kursus Kefahaman Islam dengan kerjasama Pejabat Kadi Daerah Batu Pahat yang telah disertai oleh 188 orang pelajar semester 1 bersama-sama 7 orang staf KKT M Sri Gading. Kursus ini telah diadakan di Dewan Teater A, KKT M Sri Gading.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi kefahaman Islam yang lebih mendalam khususnya kepada pelajar baru KKT M Sri Gading. Di samping itu, ia dapat memupuk budaya kehidupan islamik secara istiqamah. Pengisian kursus ini telah disampaikan oleh Pegawai Kadi Daerah Batu Pahat. Diharapkan dengan pengisian kursus ini, pelajar serta staf dapat membina modal insan yang lebih baik dan memperbaiki ahklak serta menepati ciri-ciri seorang khalifah menerusi era teknologi yang kian pesat.





# FORENSIC DAY

**sesi Julai - Disember 2023**



Program DTF telah mengadakan aktiviti pelajar di hujung sesi pembelajaran Julai - Disember 2023 iaitu pada 15 November 2023. Di antara aktiviti yang dilaksanakan pensyarah bersama-sama pelajar DTF ialah CSR membersihkan surau, aktiviti mengindahkan taman mini DTF dan mengecat tiang gol di padang KKTMSG. Pada sebelah malam pula, Majlis Makan Malam dengan tema 'Back to School' telah diadakan di Dewan Darul Takzim. Majlis makan malam ini turut diserikan dengan kehadiran TP HEA iaitu Ts. Wan Jazlan Zuhairi bin Haji Ghazali. Di antara aktiviti yang dijalankan bagi memeriahkan malam majlis tersebut ialah ucapan wakil pelajar, ketua program, penyampaian hadiah, cabutan bertuah, tayangan montaj dan makan malam.

Nooridah Binti Ithnin  
(Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri



# ANUGERAH TVET TERBAIK USAHAWAN DIGITAL 2023

6 November 2023  
*MITEC, Kuala Lumpur*

MARA telah mengungguli 2 anugerah pada Malam Anugerah Ekspo Malaysia Digital 2023 anjuran Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) iaitu TVET Terbaik eUsahawan 2022 melalui Bahagian Kemahiran dan Teknikal (BKT) dan anugerah Pensyarah TVET Terbaik eUsahawan 2022.

Anugerah Pensyarah TVET Terbaik eusahawan 2022 telah diterima oleh Puan Nooridah binti Ithnin dari KKTm Sri Gading yang disampaikan oleh Encik Amiruddin Abdul Shukor, Senior Vice President Head Of Corporate Services MDEC, di MITEC, Kuala Lumpur.

MARA yang dinobatkan sebagai institusi TVET Terbaik eUsahawan 2022 itu adalah berdasarkan kepada komitmen oleh 500 pensyarah dari Institusi Pendidikan MARA (IPMA) yang telah dilatih oleh MDEC dalam keusahawanan digital bagi menyampaikan integrasi modul eusahawan dalam silibus IPMA.



*Sesi bergambar penerima anugerah bersama-sama dengan Ketua Pengarah Bahagian Kemahiran dan Teknikal, Ir Haji Nuriman Yusop.*

eUsahawan ialah program yang dilaksanakan bertujuan untuk membina budaya yang lebih inklusif ke arah penggunaan teknologi digital dan menyokong pembangunan kemahiran keusahawanan digital bagi individu, pelajar dan usahawan untuk memperkasakan kerjaya serta mengembangkan perniagaan.

Lebih 60,000 orang pelajar yang menerima manfaat ini berjaya mencatatkan rekod jualan melebihi RM43.5 juta hasil kerjasama antara MARA dan MDEC sejak tahun 2015. Antara yang hadir pada majlis ini ialah YB Fahmi Fadzil, Menteri Komunikasi dan Digital, YB Tuan Syed Ibrahim Syed Noh dan CEO MDEC, Pengurus MDEC serta diringi oleh pengurusan MARA iaitu Encik Ir Haji Nuriman Yusop, Pengarah BKT dan Encik Azman Ali, Pengarah KKTm Sri Gading.

# PROGRAM DERMA DARAH DAN KESIHATAN PERCUMA

## Setitik Darah Sejuta Harapan

*"Dermalah darah hari ini, mungkin anda atau keluarga anda yang memerlukan nya suatu hari nanti."*



Setiap titik darah yang disumbangkan adalah amat berharga dan penting dalam misi menyelamat dan merawat pesakit.

Atas kesedaran inilah, Jawatankuasa Pengurusan Korporat & Promosi dengan kerjasama Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar telah mengadakan Program Setitik Darah Sejuta Harapan yang merupakan Program Derma Darah dan Kesihatan Percuma buat wargakerja dan pelajar KKTMSRI Gading pada 14 November 2023.

Program ini bertujuan memberi peluang kepada warga KKTMSRI Gading menjalankan tanggungjawab untuk menderma darah agar dapat memberi harapan kepada golongan yang memerlukan. Antara aktiviti lain yang diadakan sempena program itu adalah saringan kesihatan secara percuma.


Program yang telah diadakan di Dewan Darul Takzim ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari pelajar dan juga warga kerja KKTMSRI Gading.




# Pertandingan Mewarna Sempena Sambutan Hari Kaunseling MARA



Hasil karya daripada Puan Mazni binti Awang  
Pensyarah Jabatan DTG



Hasil karya daripada En. Mohd Rashwan bin Arshad  
Pensyarah Jabatan DTC



Hasil karya daripada En. Muhammad Sadiq bin Suhaimi  
Pensyarah Jabatan DTM

Terapi Seni Warna adalah perkhidmatan kemanusian yang mempergunakan media seni, imej, proses kreativiti seni dan tindak balas individu untuk menghasilkan produk sebagai mencerminkan perkembangan individu, kebolehan, personaliti, minat, kerisauan dan pertelingkahan.

Bahagian Sumber Manusia MARA dengan kerjasama Persatuan Kaunseling & Psikologi MARA Malaysia (PEKAMARA) telah menganjurkan Pertandingan Terapi Seni Warna ini bagi memberi peluang dan ruang untuk warga kerja MARA meluahkan emosi, kreativiti serta menunjukkan bakat yang terpendam.

**“Memberi peluang dan ruang untuk warga kerja MARA meluahkan emosi, kreativiti serta menunjukkan bakat yang terpendam.”**

Kakitangan KKTMSG juga tidak ketinggalan dalam menyertai pertandingan ini. Kebanyakan gambar yang bertemakan suasana kampung menjadi pilihan peserta.

Hasil penyertaan yang di hantar, 3 orang staf KKTMSG Sri gading telah berjaya mendapat tempat saguhati iaitu En. Mohd Rashwan bin Arshad, En. Muhammad Sadiq bin Suhaimi dan Puan Mazni binti Awang. Tahniah diucapkan kepada para pemenang.

# PEMENANG LANSKAP MINI TERBAIK

Satu Program Pelancaran Projek Lanskap Mini KKT M Sri Gading telah diadakan pada 30 Oktober 2023 di kawasan angkat lanskap Program DTG berhampiran kafe kontena KKT M yang telah dilancarkan oleh Pengarah KKT M Sri Gading iaitu Tuan Haji Azman bin Ali.

Berikut merupakan senarai pemenang bagi Lanskap Mini Terbaik tersebut:

Juara:

1. Program DTC - DTC's Garden Herbs
2. Unit Pentadbiran - Taman Impiana
3. Jabatan Pengajian Am - Rimbun Kita

Naib Juara:

1. Program DTM - Taman Astakona
2. Program DTH - Laman Sari D'Laila
3. Program DTE - I The Best
4. Program DTV - Therapeutic DTV - Steps to Health
5. Program DTG - DTG's Green Zone
6. Program DTF - Forensic Village


Hadiyah telah disampaikan oleh Pengarah KKT MSG, Tuan Haji Azman bin Ali kepada para pemenang pada majlis Hari Apresiasi yang lalu. Semoga usaha murni ini dapat diteruskan bagi mengekalkan amalan hijau dan mewujudkan suasana indah dan ceria di KKT M Sri Gading. Tahniah diucapkan.



DTC's Garden Herbs



Rimbun Kita



Taman Impiana



# **MINGGU INTEGRITI DAN BEBAS RASUAH KKTM SRI GADING 2023**

**“ Program seperti ini amat penting untuk membentuk kesedaran benci rasuah dan membudayakan integriti dalam kalangan pelajar dan juga staf kolej. ”**

Pada 2 November 2023 telah berlangsung Pelancaran Bulan Integriti Negara 2023 anjuran MARA. Program ini cukup penting kerana melibatkan semua warga dan pelajar MARA dari seluruh negara. Majlis ini dirasmikan oleh Dato’ Seri Azhar Abdul Manaf, Ketua Pengarah MARA.

Sehubungan itu, Unit Integriti KKTM Sri Gading telah mengambil inisiatif untuk turut melaksanakan pelancaran minggu integriti peringkat kolej selain memberi taklimat “MARA Bebas Rasuah” kepada semua staf KKTM Sri Gading. Taklimat ini disampaikan oleh Puan Norazlina binti Mohamed pada 27 November 2023. Selain memberi taklimat, kuiz integriti juga dijalankan bagi semua staf.

Selain penerangan berkaitan integriti dan bebas rasuah kepada semua staf kolej, para pelajar juga terlibat dengan program ini. Taklimat dan kuiz integriti kepada pelajar telah dilaksanakan pada 30 November 2023 (Khamis) pada jam 8.30 pagi bertempat di Surau An-Nur, KKTM Sri Gading. Program ini adalah anjuran Sekretariat Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah (AMAR) KKTM Sri Gading.

Taklimat integriti ini juga turut disampaikan oleh Puan Norazlina Binti Mohamed. Objektif program ini adalah untuk memberi kesedaran dan menyemai sikap berintegriti sebagai pelajar sepanjang belajar di KKTM Sri Gading. Sebanyak 5 orang pelajar KKTM Sri Gading telah dipilih untuk menerima hadiah bagi kuiz integriti yg diadakan. Tahniah kepada semua pemenang.





# Minggu Integriti dan Bebas Rasuah



# LAWATAN PROMOSI UTHM PAGOH

## PERBINCANGAN PROGRAM SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PENGANGKUTAN REL DENGAN KEPUJIAN (BNT), FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN, UTHM

Satu sesi lawatan promosi dari pihak Fakulti Teknologi Kejuruteraan, UTHM telah berlangsung pada 16 November 2023. Sesi ini telah disertai oleh para pensyarah dan pelajar Program DTH di mana iaanya telah diisi dengan taklimat penerangan berkenaan Program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pengangkutan REL dengan Kepujian (BNT). Taklimat ini telah disampaikan oleh Prof. Madya Ts. Dr.-Ing. Joewono Prasetyo dan Ir. Ts. Mustapha Kamil Bin Osman.

Dengan adanya sesi lawatan ini, diharapkan para pelajar terutamanya dari Program DTH akan lebih jelas berkenaan laluan untuk melanjutkan Pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi.



LAWATAN PROMOSI  
DAN PERBINCANGAN PROGRAM  
SARJANA MUDA TEKNOLOGI  
KEJURUTERAAN PENGANGKUTAN  
REL DENGAN KEPUJIAN (BNT),  
FAKULTI TEKNOLOGI  
KEJURUTERAAN, UNIVERSITI TUN  
HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

### External Examiner DTH



Prof. Madya Ts. Dr.-Ing.  
Joewono Prasetyo

PROFESOR MADYA  
Jabatan Teknologi  
Kejuruteraan Pengangkutan  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Ir. Ts. Mustapha Kamil  
bin Osman

FELO INDUSTRI  
Jabatan Teknologi Kejuruteraan  
Pengangkutan  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Penglibatan:  
Staf DTH  
Pelajar DTH Semester 3,4,& 5  
KKTM Sri Gading

16 NOVEMBER 2023

9.00 - 11.00 Pagi  
Dewan Teater A  
KKTM Sri Gading

Anjuran Jab. Tek. Kej. Pembinaan  
(Jalanraya dan Pengangkutan)



# HARI APRESIASI STAF KKTM SRI GADING

“ CERAMAH INTEGRITI:

Jalur Integriti Memacu Kejayaan Organisasi (Individu-Negara)



## STAFF APPRECIATION DAY

DEWAN DARUL TAKZIM

DECEMBER | 07 | 2023

8.00 AM - 2.00 PM

A JOINT COLLABORATION OF:

JK KECEMERLANGAN ORGANISASI  
PERTUBUHAN KEBAJIKAN KAKITANGAN (PKK)  
JABATAN SISTEM TERMAJU (DTC)

ATTIRE:  
BLACK & RED  
GLAMOUROUS

Majlis Apresiasi Staf 2023 telah diadakan pada 7 Disember 2023 (Khamis) bermula pada pukul 8.00 pagi bertempat di Dewan Darul Takzim anjuran bersama antara JK Kecemerlangan Organisasi, Pertubuhan Kebajikan Kakitangan (PKK) dan Jabatan Sistem Termaju (DTC).

Majlis tersebut telah dimulai dengan penyampaian ceramah integriti yang bertajuk "Jalur Integriti Memacu Kejayaan Organisasi (Individu-Negara)" yang disampaikan oleh YM Ku Hasnan bin Ku Halim yang merupakan Pensyarah Kanan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Pusat Pengajian Umum.

Pada majlis ini juga, turut diadakan upacara penyampaian sijil dan anugerah bagi meraikan kejayaan serta pencapaian warga kerja KKTM Sri Gading bagi tahun 2023. Terdapat 25 anugerah yang telah disampaikan pada majlis tersebut iaitu seperti berikut:

- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2022
- Anugerah Cuti Sakit Sifar
- Anugerah Kehadiran Terbaik
- Anugerah Pensyarah Cemerlang dan Staf Pentadbiran Cemerlang
- Anugerah Pekerja Terbaik November 2023
- Penghargaan Ketua Jabatan dan Ketua Program 2023
- Anugerah Pekerja Komited (Akademik/Pentadbiran),
- Anugerah Penulisan Akademik/Kreatif
- Anugerah Inovasi (Individu)

- Anugerah Inovasi (Kumpulan)
- Anugerah Inovasi Terbaik
- Jurulatih Pertandingan Kemahiran
- Anugerah Pencerepan Terbaik
- Anugerah Kerjasama Strategik Terbaik
- Anugerah Khidmat Masyarakat Terbaik
- Anugerah Penganjuran Program Terbaik,
- Anugerah Pembelajaran Sepanjang Hayat Terbaik
- Anugerah Lanskap Mini Terbaik
- Anugerah Ruang Kerja Staf Terbaik dan Kondusif
- Anugerah Kerja Pasukan Terbaik,
- Anugerah Sistem Kerja Terbaik
- Anugerah Sub Unit Terbaik
- Anugerah Khidmat Pelanggan Terbaik
- Anugerah Kecemerlangan Kokurikulum
- Anugerah Kentara - Khas Pengarah

Tahniah diucapkan kepada semua penerima sijil dan anugerah. Semoga kejayaan ini dapat diteruskan lagi bagi meningkatkan kecemerlangan organisasi pada masa akan datang. Tidak lupa juga tahniah dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa yang terlibat dalam mengendalikan majlis ini dari awal sehingga tamat program.





# SOLAT HAJAT SEMPENA SOLIDARITI BERSAMA PALESTIN



Tanggal 2 November 2023 (Khamis) bersamaan dengan 18 Rabiulakhir 1445 Hijrah, Sekretariat Kerohanian KKTMB Sri Gading telah menganjurkan program Solat Hajat sempena Solidariti Bersama Palestin di Surau An-Nur KKTMB Sri Gading, Batu Pahat Johor dengan penglibatan semua pelajar dan juga staf KKTMSG bagi menjayakannya.

Program ini diadakan bertujuan memberi sokongan yang tidak terhingga kepada semua rakyat Palestin akibat perang yang berlaku dan memberi pendedahan bahawa negara Palestin juga telah dijajah selama 67 tahun oleh pihak Israel. Secara tidak langsung, program sebegini membuka mata semua pihak agar isu kemanusiaan dapat diberi perhatian diseluruh dunia dan menghentikan serangan yang telah dilakukan keatas Palestin.

Selain itu, unit Sekretariat Kerohanian KKTMB Sri Gading telah membuka tabung bantuan bagi misi membantu saudara kita di bumi Palestin yang telah ditindas. Ianya telah mendapat sambutan yang sangat baik dikalangan seluruh warga KKTMB Sri Gading. Terima kasih semua!



# BADAR'S DAY



BADAR'S Day telah diadakan pada 23 November 2023 yang lalu bertempat di Surau An-Nur, KKT M Sri Gading. Program ini telah diadakan bagi meraikan semua Ahli Jawatankuasa BADAR bagi sesi Julai – Disember 2023.

Secara umumnya, BADAR merupakan sebuah organisasi pelajar yang bernaung di bawah Sekretariat Kerohanian KKT M Sri Gading. Mereka membantu perihal dalam urus tadbir berkaitan pengurusan dan pengimaranan di Surau An-Nur, KKT M Sri Gading. BADAR bagi pelajar lelaki dikenali sebagai BADAR AL-RIJAL manakala bagi pelajar perempuan, dikenali sebagai BADAR AL-ALIYAH.

Semoga semua Ahli Jawatankuasa BADAR yang telah dilantik dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan baik serta membantu mengerakkan program-program Islami di Surau An-Nur, KKT M Sri Gading.



# MAJLIS KHATAM QURAN & TAHLIL PERDANA

Satu Majlis Khatam Qur'an dan Tahlil Perdana telah diadakan pada 21 Disember 2023 bertempat di Dewan Teater A dengan anjuran Sekretariat Kerohanian KKTMSG Sri Gading. Majlis khatam al-Qur'an ialah satu majlis yang mulia dan amat dianjurkan dalam Islam. Majlis ini dijalankan bersempena khatam al-quran oleh ahli e-tadabbur al-Qur'an KKTMSG. Majlis ini telah diketuai oleh Ustaz Norazri bin Zaidin dan turut hadir ialah Tuan Pengarah KKTMSG, Tuan Haji Azman bin Ali yang merupakan pengelola kumpulan e-tadabbur KKTMSG serta Ts. Wan Jazlan Zuhairi Bin Ghazali, Ketua Program dan Ketua Jabatan dan semua warga kerja KKTMSG.

Kelebihan khatam al-Qur'an ini telah ditekankan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadisnya yang bermaksud: "Sebaik-baik amalan adalah selesai dan meneruskan. Rasulullah s.a.w. ditanya, Apakah keduanya itu? Baginda menjawab; Mula membaca al-Qur'an dan meneruskannya (mengkhatamkannya)".



**21 DIS 2023 | KHAMIS  
8.30 PAGI - 9.30 PAGI**  
DEWAN TEATER A



"Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat sebagai syataat kepada para pembacanya"  
[Riwayat Muslim]

Pakaian:  
Muslimin - Berbaju Melayu Lengkap  
Muslimat - Berbaju Kurung

ANJURAN : SEKRETARIAT KEROHANIAN

- Aturcara:
- Majlis Khatam al-Quran
  - Bacaan Tahlil
  - Majlis Persaraan Puan Nurimi binti Che Mahad



# Aktiviti Ko-kurikulum Sepanjang 2023

Aktiviti ko-kurikulum yang wajib diikuti oleh pelajar-pelajar semester 1 dan 2 melalui kursus DUY10031 dan DUY21041 telah dilaksanakan dengan jayanya sepanjang tahun 2023. Aktiviti yang diuruskan oleh Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) seperti kawad kaki, mendirikan khemah, penguisian bangunan dan peta dan pandu arah. Aktiviti ini dijalankan setiap Khamis bermula 10.45 pagi sehingga 12.45 tengahari.



Dengan adanya aktiviti kokurikulum ini, pelajar dapat:

- Membina dan meningkatkan jati diri;
- Menyemai kesedaran pelajar terhadap agama dan kepercayaan kepada Tuhan;
- Menyeimbangkan antara perkembangan mental dengan perkembangan rohani, jasmani dan emosi pelajar;
- Mengukuhkan perhubungan dan pergaulan di kalangan pelajar dalam institut dan di antara institut;
- Membina dan meningkatkan minat dan bakat pelajar dalam aktiviti yang diceburi;
- Membina dan meningkatkan disiplin pelajar;
- Mewujudkan budaya institut yang menarik dan menggembirakan;
- Membina dan meningkatkan kerjasama dan sumbangan hubungan dua hala antara institut dan masyarakat;
- Mewujudkan institut berwatak.

# KAWAD KAKI



**PETA DAN  
PANDU ARAH**

# PENGUNSIAN BANGUNAN



**MENDIRIKAN  
KHEMAH**



## OUTCOME BASED EDUCATION (OBE)

### Programme Educational Objectives (PEO)

- 01 Perlaksanaan pendidikan berdasarkan hasil (OBE) mewajibkan setiap program akademik perlu mempunyai Objektif Pendidikan Program (Programme Educational Objectives) atau PEO.  
PEO yang disemak semula juga perlu dihubungkaitkan dengan visi dan misi KKT SRI GADING umumnya.

01



#### PEO 1

Graduates who can apply their technical knowledge and hands-on skills to perform their job tasks in construction industry with competent.

02



#### PEO 2

Graduates who can work independently or in team with effective communication, positive attitudes and ethical values to fulfil their duties towards the working culture and community.

03



#### PEO 3

Graduates who possess leadership qualities, entrepreneurial, lifelong learning skills and attributes for career advancement in related construction industry.



# JOM IKLAN!

SYARIKAT PELAJAR ALUMNI DTC

**NEXUS  
PROJECT  
CONTROLS**

*Strategic Plans,  
Timely Solutions:  
Your Project in  
Expert Hands*

**Our Core Services**

- PROJECT SCHEDULING**
- PROJECT MONITORING**
- DELAY ANALYSIS**
- EXPERT WITNESS**
- TRAINING**

**Contact Us**

**+60 112188 8560**

**[www.nexusprojectcontrols.com](http://www.nexusprojectcontrols.com)**

# JOM IKLAN!

SYARIKAT PELAJAR ALUMNI DTM

**KAL ENGINEERING & ENTERPRISE**  
Pasang & Servis Aircond Dengan pakej menarik  
PANASONIC | DAIKIN | ACSON | MIDEA

✓ Membekal Aircond Baru & Terpakai  
✓ Pemasangan Aircond  
✓ Servis & Repair Aircond  
✓ Perkhidmatan Wiring

HUBUNGI KAMI 014-7737715    KAL ENGINEERING ENT

**“PERKHIDMATAN YANG KAMI TAWARKAN”**

SERVIS AIRCOND      UPAH PEMASANGAN AIRCOND  
PENDAWAIAN ELEKTRIKAL      MEMBAIKPULIH AIRCOND  
MEMBEKAL AIRCOND

MIH ENGINEERING  
AIRCOND | ELECTRICAL | MAINTENANCE

014-9133467 | 014-3533467    MIH AIRCOND BP

**AIRCOND & ELECTRICAL SERVICE**

✓ Pemasangan aircond baru & terpakai  
✓ Baikpulih & servis aircond  
✓ Tambahan lampu / soket  
✓ Lain<sup>2</sup> berkaitan elektrikal

014 773 7715    KAL ENGINEERING ENTERPRISE

# MAJLIS PERSARAAN PUAN NURIMI BINTI CHE MAHADI



Majlis pesaraan Puan Nurimi Binti Che Mahadi telah diadakan pada 21 Disember 2023 bertempat di Dewan Teater A, KKT M Sri Gading. Beliau telah memilih persaraan pilihan setelah berkhidmat lebih dari sepuluh tahun dengan MARA. Beliau telah berkhidmat dengan MARA sejak tahun 2008 lagi dimana KKT M Kemaman merupakan pusat perkhidmatan pertama beliau dan seterusnya berpindah ke KKT M Sri Gading untuk meneruskan khidmat beliau dengan MARA.

Beliau adalah seorang pegawai yang komited dalam perkhidmatan di mana banyak sumbangan yang telah beliau berikan. Di antaranya adalah dengan menyertai pertandingan inovasi peringkat antarabangsa selain merupakan pensyarah terbaik dalam program DTF. Semoga sumbangan beliau dapat memberi impak dalam memajukan program DTF khususnya. Terima kasih Puan Nurimi dan selamat maju jaya!





Selamat bersara dan terima  
kasih atas khidmat bakti  
bersama MARA

